

MEMAHAMI KEPERLUAN SUKATAN PELAJARAN (SP) DAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN (HSP)

Oleh;

Ahmad Salehee Abdul (SMK ABI, Kangar, Perlis)

Saidah Ahmad (SMK Tun Fatimah, J.B.)

Apakah SP dan HSP ?

SP

ialah satu kerangka atau ringkasan kandungan berkaitan dengan sesuatu bidang pengajian. SP juga merupakan satu dokumen yang menterjemahkan hasrat negara untuk melahirkan individu yang memiliki semangat kekitaan dan mewujudkan perpaduan. Kurikulum Sejarah mengandungi asas-asas pengetahuan tentang Sejarah negara Malaysia dan negara luar dan dapat menerapkan nilai-nilai murni dan kemahiran yang dapat diperkukuh dan diperkembangkan.

HSP

merupakan terjemahan atau huraian terperinci terhadap kandungan yang digariskan dalam SP. Penghuraian dibuat berlandaskan kepada Struktur Disiplin Sejarah, tema-tema, perincian tajuk dan subtajuk, lajur dan aras selaras dengan kemahiran pembelajaran, unsur patriotisme dan beberapa aktiviti yang dicadangkan.

TEMA 7	:	Tamadun Awal Manusia
TEMA 8	:	Tamadun Islam Dan Perkembangannya
TEMA 9	:	Perkembangan di Eropah Dan Kesannya Terhadap Ekonomi Negara
TEMA 10	:	Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua
TEMA 11	:	Pembinaan Negara Dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat
TEMA 12	:	Malaysia Dan Kerjasama Masyarakat Antarabangsa

1. PERKEMBANGAN TEMA HSP TINGKATAN 4

a] Tema-tema berdasarkan kronologi

- Bermula dari proses kemunculan tamadun dan kesannya ke atas negara.

b] Perkaitan peristiwa Sejarah, tema dan tajuk mengikut kronologi
(timeframe)

- Perkembangan revolusi industri di Eropah secara evolusi telah mengubah tamadun manusia dalam peradaban dunia serta memberi kesan kepada negara kita.[*Lampiran 1*]

c] Sebab dan Akibat

- Proses sejarah berlaku mengikut sebab dan akibat.

Contoh; Hubungan perdagangan antara saudagar Arab dengan Melaka membawa kepada perkembangan Islam di rantau ini.

2. Elemen Sejarah

Terdapat elemen-elemen penting dalam Sejarah yang perlu difahami oleh guru dan murid ialah seperti:-

2.1. Lima elemen utama yang mesti di kembangkan kepada murid iaitu;

- ♣ Kronologi
- ♣ Keluasan dan kedalaman, kefahaman dan pengetahuan Sejarah.
- ♣ Interpretasi Sejarah
- ♣ Inkuiri Sejarah
- ♣ Komunikasi dan organisasi.

2.2. Unsur penting dalam pengetahuan Sejarah yang perlu disentuh ialah;

- | | | |
|-----------|---|--|
| Tokoh | - | Khalifah Abu Bakar, Khalifah Umar, Khalifah Uthman dan Khalifah Ali. |
| Peristiwa | - | Bai'ah, Majlis Syura, Peluasan wilayah, Pengenalan cukai, Perang Siffin, Perjanjian Tahkim. |
| Tarikh | - | 632 – 661 M |
| Proses | - | Rentetan peristiwa pada zaman Khulafa al-Rasyidin. |
| Kesan | - | Pemilihan pemimpin melalui musyawarah, kepatuhan kepada pemimpin, penyebaran Islam ke Asia Barat dan Eropah. |

3. Konsep dan Maksud

Penjelasan tentang istilah-istilah penting yang perlu ditekankan dalam P&P Sejarah.

SKOP	CONTOH KONSEP
Masa	Masihi, Tahun Hijrah, Zaman Khulafa al- Rasyidin
Peristiwa	Bai'ah, Majlis Syura
Situasi	Kecemerlangan
Aktiviti	Kharaj, Baitulmal, Jihad, Syahid

4. Unsur dan Nilai

Perlu diterap dalam P&P melalui pengetahuan sejarah secara tidak langsung dengan menekankan aspek-aspek perubahan tingkah laku yang diyakini.

- Bersikap kepemimpinan cemerlang
- Memanfaatkan kecemerlangan tamadun Islam
- Membuat perancangan yang bijak

B CARA PEMILIHAN TEMA DAN TAJUK

Pendekatan yang mampu dikendalikan oleh guru serta membantu murid menguasai kandungan dalam proses P&P.

1. Gabungan

Guru menentu dan memilih lebih daripada satu tajuk yang sesuai dan menyampaikannya dalam satu waktu P&P.

Contoh;

a] 7.1 Tamadun Awal Dunia

TAMADUN	PERIODISASI	LOKASI	SUMBANGAN
SUMERIA			
MESIR			
INDUS			
HWANG HO			

* Sesuai dilaksanakan secara gerak kerja kumpulan (EAP, CL)

2. Satu Persatu

Pendekatan ini sesuai digunakan bagi tajuk yang luas, kandungan sukar untuk dibuat perbandingan (oleh murid)

Contoh;

- a] 8.1 Islam dan Penyebarannya di Makkah
 - b. Islam dan Penyebarannya di Makkah
 - Kelahiran dan Perkembangan Islam di Makkah

3. Ikut Situasi Semasa

Guru perlu peka dengan situasi semasa yang berlaku dan mengaitkannya dengan pemilihan tajuk P&P.

Contoh;

- a] 12.2 Peranan dan Sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa
 - b. Malaysia dalam Pertubuhan Antarabangsa
 - iv. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

Persidangan Negara Islam (OIC) yang baru berlangsung dapat membantu murid memahami dengan mudah tajuk berkenaan kerana pengetahuan sedia ada masih baru.

LATIHAN 1

Dengan merujuk kepada Tema HSP Tingkatan 5, lengkapkan maklumat di bawah berserta dengan contoh yang sesuai.

2.1 PERKEMBANGAN TEMA HSP TINGKATAN 5

a] Jangka masa berdasarkan tema

b] Perkaitan peristiwa sejarah mengikut tema dan kronologi (timeframe)

c] Sebab dan akibat

- Proses sejarah berlaku mengikut sebab dan akibat.
- **Contoh;**

LATIHAN 2

Berdasar kepada HSP Tingkatan 5, pilih tajuk yang sesuai dan hasilkan satu rancangan mengajar bagi kelas lemah dengan mengikut syarat yang ditentukan.

1. Gabungan

1.1 Gabungan beberapa tajuk yang sesuai

1.2 Peruntukkan satu waktu P&P

1.3 Berpusatkan murid

1.4 Set induksi dan 'Brain break'

1.5 Penerangan konsep / istilah

1.6 Menggunakan pedagogi / kaedah yang sesuai

1.7 Pengukuhan guru